

Tingkat usaha mesra OKU

CARI KEBERSAMAAN
MENERUSI PEMBELAJARAN
BAHASA ISYARAT, KOMUNIKASI

Masyarakat umum digalakkan berusaha meningkatkan tahap kebersamaan dengan golongan orang kurang upaya (OKU) ke arah Malaysia lebih mesra.

Ketua Pegawai Eksekutif Islamic Relief Malaysia (IRM), Zairulshahfuddin Zainal Abidin berkata, masyarakat umum berperanan meningkatkan tahap kebersamaan itu menerusi pembelajaran bahasa isyarat dan komunikasi dengan OKU.

"Mereka tidak memilih dilahirkan sebagai OKU, namun ia menjadi asbab dan peluang kepada kita untuk terus mengupayakan mereka melalui pembelajaran bahasa isyarat. Selain itu, perkongsian pengetahuan dan perniagaan juga adalah unsur mendekatkan diri dengan mereka.

Mereka bukanlah
tidak berupaya
namun mempunyai
kemahiran berbeza



Pengunjung mengikuti aktiviti asas pembelajaran bahasa isyarat.

"Saya juga percaya dengan istilah pengupayaan dalam melahirkan OKU yang berjaya kerana mereka bukanlah tidak berupaya namun mempunyai kemahiran berbeza," katanya ketika berucap.

Beliau berkata demikian dalam program Inklusiviti Bersama Masyarakat, Kami Berbeza, Kami Insan Luar Berbeza anjuran Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang.

Ia bertujuan memberi peluang kepada golongan OKU dalam mengetengahkan bakat dan keupayaan agar hidup secara normal.

Antara aktiviti dianjurkan adalah simulasi bahasa isyarat, simulasi penggunaan Braille, pameran hasil seni OKU iaitu lukisan dan kraftangan, dan sesi bual bicara bersama insan-insan luar biasa.

Zairulshahfuddin turut menegaskan sebagai institusi kemanusiaan, sepatutnya tidak berasa lelah dalam menyantuni golongan ini kerana ia adalah kerja-kerja mulia yang perlu diteruskan dalam menyedarkan masyarakat umum bahawa kehadiran mereka sebenarnya masih dipedulikan.

Mengulas lanjut, IRM bercadang untuk meneruskan kerjasama dengan UPM dalam usaha mengupayakan golongan kurang bernasib baik.